



TARIKH	SABTU, 07 DISEMBER 2019
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	PEGAWAI JAS ADA KEPAKARAN
M/S	18
BIDANG	MESTECC
KATA KUNCI	JAS



EMPAT didakwa bersahabat melupuskan barangan berjadual ke dalam Sungai Kim-Kim.

KES SUNGAI KIM-KIM

PEGAWAI JAS ADA KEPAKARAN

Oleh Mohd Sabran
Md Sani
sab@hmetro.com.my

Johor Bahru

Mahkamah Sesyen di sini, diberitahu setiap pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) mempunyai tahap kepakaran tinggi dalam bidang masing-masing.

Ketua Penolong Pengarah Kanan di Seksyen Penilaian dan Pembangunan, Bahagian Bahan Berbahaya Jabatan Alam Sekitar (JAS) Putrajaya, Azlan Ahmad, 50, berkata, setiap pegawai JAS perlu menjalani latihan termasuk menghadiri kursus intensif Certified Environmental Professional in Scheduled Waste Inspection (CePSWI).

Beliau yang juga saksi dalam perbicaraan kes pembuangan sisa toksik dalam Sungai Kim Kim, Pasir Gudang memberitahu bahawa polisi jabatan (JAS) menetapkan pegawai JAS perlu dilatih secara intensif sama ada melalui kursus di dalam atau luar negara sebelum menjadi pakar dalam bidang itu.

Beliau berkata demikian ketika pemeriksaan semula oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR), Muhammad Syafiq Mohd Chazali pada prosiding hari ketiga perbicaraan kes itu di sini, semalam.

Azlan memberitahu melalui kursus diadiri itu, pegawai JAS akan di-

dedahkan dengan pelbagai kaedah termasuk untuk mengklasifikasikan bahan buangan berjadual dan bukan hanya tertumpu kepada usaha melakukan pemeriksaan atau penguatkuasaan ke atas sebuah premis atau kilang, semata-mata.

MUHAMMAD SYAFIQ: Tadi, peguam bertanya bahawa adakah kamu mempunyai kuasa untuk membuat pengelasan bahan buangan berjadual. Jawapan kamu ialah kamu ada kuasa tersebut, tetapi mengikut Seksyen 37(A) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) ia menyatakan bahawa kamu hanya ada kuasa meniasat. Boleh kamu jelaskan lebih lanjut perkara ini kepada mahkamah?

AZLAN: Pegawai Jabatan memang mempunyai kuasa meniasat, ketika pegawai memasuki mana-mana premis atau untuk membuat siasatan, mereka perlu mengetahui secara khusus bahawa sesuatu buangan itu adalah tertakluk atau tidak pada peraturan sekeliling (Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)).

Jadi, pegawai secara khusus apabila ditempatkan (ditugaskan), hendaklah menjalankan tugas penyiasatan ter-

masuk membuat pengelasan

(bahan buangan). Atas dasar sedemikian, saya menjadi saksi kepada kes ini.

MUHAMMAD SYAFIQ: Berdasarkan surat JAS Johor bertarikh 17 Mac lalu yang dipanjangkan kepada kamu, peguam ada mencadangkan bahawa JAS Johor (sehingga 17 Mac) sebenarnya tidak tahu apa bahan buangan itu dan dalam jawapan, kamu nyatakan tidak bersetuju. Kenapa?

AZLAN: Seperti saya maklumkan tadi, secara asasnya, pegawai terbabit sudahpun mendapat maklumat awal berkaitan dengan bahan buangan itu. (Tetapi) Semuanya perlu dirujuk kepada bahagian saya (Bahagian Bahan Berbahaya JAS Putrajaya) untuk mendapatkan kepastian bahawa bahan buangan tersebut SW331 'enap cemar minyak'.

Pemandu lori syarikat pemprosesan tayar terpakai, N. Maridass, 35, didakwa melupuskan buangan terjadual iaitu buangan minyak atau enap cemar berminyak ke Sungai Kim Kim, Pasir Gudang dengan menggunakan lori dan triler tangki sawit tanpa kelulusan Ketua Pengarah Kualiti

Alam Sekeliling.

Tiga pengarah syarikat pemprosesan tayar terpakai itu pula iaitu

Wang Jing Chao, 34, Yap Loke Liang, 36, dan Sim Wei Der, 50, didakwa bersahabat dengan Maridass untuk melupuskan barangan terjadual itu ke dalam Sungai Kim Kim menggunakan kenderaan itu.

Keempat-empat mereka didakwa melakukan perbuatan itu antara jam 12.01 tengah malam hingga jam 1 pagi, 7 Mac lalu di kawasan tapak projek pelepasan jambatan Sungai Kim Kim.

Maridass didakwa mengikut Seksyen 24B (1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang boleh di- hukum mengikut Seksyen 34 B(4) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun selain denda RM500,000 jika sabit kesalahan.

Wang, Yap dan Sim pula didakwa mengikut Seksyen 34B (1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, dibaca bersama Seksyen 42 akta sama yang boleh di- hukum mengikut Seksyen 34B(3) akta sama iaitu di- penjara tidak lebih lima tahun dan denda tidak melebihi RM500,000.

Selain Muhammad Syafiq, pendakwa turut dikendalikan TPR JAS Putrajaya, Farra Nor Azura Jumuddin dan Pengarah Pendakwa Negeri Johor, Amir Nasrudin.

Perbicaraan di hadapan Hakim Wan Mohd Norisham Wan Yaakob bersambung 10 Mac tahun hadapan.

Setiap pegawai JAS perlu jalani latihan, hadiri kursus intensif CePSWI

DISEDIAKAN
OLEH

1-MOHD SHA AFFANDI BIN MD ARIPI (N41), BPM
2-RAJA MUSFARIZAL BINTI RAJA MUHAMMAD (S19), BPM
UNIT PERKHIDMATAN MAKLUMAT, BPM